

NAMA:

TINGKATAN:



**MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA (MPSM)
NEGERI PERAK**

**MODUL KECEMERLANGAN
TINGKATAN 5
SET 1**

**SEJARAH
KERTAS 2
2 JAM 30 MINIT**

JANGAN BUKA MODUL INI SEHINGGA DIBERITAHU

ARAHAN:


1. Kertas modul ini mengandungi dua bahagian: Bahagian A dan Bahagian B.
2. Jawab semua soalan dalam Bahagian A, dan tiga soalan daripada Bahagian B.
3. Tuliskan jawapan bagi Bahagian A dan Bahagian B pada ruangan jawapan yang telah disediakan selepas soalan.
4. Markah yang diperlukan bagi setiap soalan atau ceraian soalan ditunjukkan dalam kurungan.
5. Serahkan semula buku soalan kepada pengawas selepas tamat peperiksaan.

Untuk Kegunaan Pemeriksa			
Bahagian	Soalan	Markah Penuh	Markah Diperoleh
A	1	10	
	2	10	
	3	10	
	4	10	
B	5	20	
	6	20	
	7	20	
	8	20	
	9	20	
Jumlah		100	

Kertas modul ini mengandungi 13 halaman bercetak.

Bahagian A
[40 markah]

1. Rajah berikut berkaitan dengan undang-undang yang terdapat dalam Kesultanan Melayu Melaka.



- (a) Nyatakan dua perkara yang terkandung dalam Hukum Kanun Melaka.

(i)


(ii)

- (b) Undang-Undang Laut Melaka menjamin keselamatan dan urusan perdagangan di Selat Melaka.

Jelaskan.

.....
.....
.....
.....
.....

(c) Poster berikut berkaitan statistik jenayah di negara kita.



Sumber: Bernama, 25 Mac 2024

Berikan ulasan anda.

[4 markah]

[Lihat halaman sebelah
SULIT

2. Kabinet pertama Persekutuan Tanah Melayu dibentuk selepas Pilihanraya Umum 1955.

(a) Namakan dua wakil tempatan yang menyertai pembentukan kabinet tersebut.

(i)

(ii)

[2 markah]


(b) Jelaskan peranan kabinet pertama.

.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....

[4 markah]

(c) Teliti gambar berikut.

PENYATUAN BANGSA DALAM KABINET PERTAMA PERSEKUTUAN TANAH MELAYU 1955



Sumber: Dipetik dan diubah suai daripada <https://www.fama.gov.my/>

Bagaimakah semangat perpaduan dan kepimpinan yang ditunjukkan oleh kabinet pertama tersebut dapat menjadi teladan kepada masyarakat hari ini?

[4 markah]

3. Yang di-Pertuan Agong mempunyai kuasa atau peranan yang luas dalam pemerintahan negara.

(a) Bagaimanakah Yang di-Pertuan Agong dilantik?

[2 markah]

(b) Jelaskan peranan Yang di-Pertuan Agong dalam pemerintahan negara.

[4 markah]

(c) Pada pandangan anda, bagaimanakah kita dapat menunjukkan kesetiaan kepada raja dan negara?

[4 markah]

4. Rukun Negara dibentuk ekoran daripada peristiwa 13 Mei 1969 hasil pemikiran Majlis Perundingan Negara (MAPEN) yang dibentuk oleh MAGERAN pada 29 Januari 1970.

(a) Nyatakan dua prinsip Rukun Negara.

(i)

(ii)

[2 markah]

(b) Huraikan prinsip Rukun Negara di 4(a).

[4 markah]

[Lihat halaman sebelah
SULIT

(c) Maklumat berikut berkaitan dengan lafaz ikrar Rukun Negara yang dibaca penuh bermula dengan mukadimah dalam program rasmi kerajaan.

RUKUN NEGARA
Bahwasanya negara kita Malaysia mendukung cita-cita hendak:
Mencapai perpaduan yang lebih erat dalam kalangan seluruh masyarakatnya; Memelihara satu cara hidup demokrasi;
Mencipta satu masyarakat yang adil di mana kemakmuran negara akan dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama;
Menjamin satu cara liberal terhadap tradisi-tradisi kebudayaannya yang kaya dan pelbagai corak;
Membina satu masyarakat progresif yang akan menggunakan sains dan teknologi moden.

Sumber: Jabatan Penerangan, Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia

Jelaskan mesej lafaz ikrar tersebut kepada rakyat Malaysia.

.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....

[4 markah]

Bahagian B**[60 markah]****Jawab tiga soalan sahaja.****Tulis jawapan anda pada ruang yang disediakan.**

5. Perang Dunia Kedua di Asia Pasifik bermula apabila Jepun menyerang Tanah Melayu pada 8 Disember 1941.

(a) Jelaskan faktor kedatangan Jepun ke negara kita. [4 markah]

(b) Pernyataan berikut berkaitan dasar yang dijalankan oleh pemerintahan Jepun di negara kita.

- Dasar ekonomi
- Dasar sosial

Huraikan. [8 markah]

(c) Baca petikan berikut.

Penjajahan bentuk baharu era modenisasi ancaman kepada negara

Bentuk penjajahan moden yang muncul ketika ini dan semua negara di dunia terkena kesannya, yakni penjajahan baharu dalam bidang ekonomi, teknologi serta budaya.

Anasir luar ini menggunakan pelbagai cara untuk menjajah semula dalam bentuk yang lebih canggih. Sehubungan itu, Perdana Menteri berkata, hanya rasa cinta kepada negara membolehkan semua rakyat terus bekerjasama dan bersatu padu dalam menjaga nilai-nilai tempatan demi kedaulatan negara. Semangat perjuangan pahlawan kemerdekaan perlu digilap kepada generasi baharu supaya mengenal sejarah pejuang terdahulu.

Sumber: Dipetik dan diubah suai daripada Utusan Melayu, 30 Ogos 2022

Jelaskan maklumat yang terkandung dalam petikan tersebut.

[8 markah]

6.

Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu ditandatangani pada 21 Januari 1948 antara Sultan dengan Edward Gent, wakil kerajaan British di King's House, Kuala Lumpur.

Sumber: Raja, Negeri dan Perlembagaan, Sejarah Masih Relevan

- (a) Mengapakah Perjanjian tersebut diterima oleh kedua-dua pihak? [6 markah]
- (b) Jelaskan ciri-ciri Persekutuan Tanah Melayu 1948. [6 markah]
- (c) Baca maklumat dalam petikan berikut.

Perlembagaan Malayan Union yang diperkenalkan pada 1 April 1946 dan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu yang berkuatkuasa pada 1 Februari 1948, meskipun telah melahirkan sebuah negara bangsa baru, namun dari segi perundangan dan struktur pemerintahannya telah memperlihatkan pertentangan yang ketara. Perlembagaan Malayan Union memindahkan segala kekuasaan Raja-raja Melayu kepada Raja Britain sekaligus telah melenyapkan kedaulatan para baginda manakala dalam Perlembagaan Persekutuan 1948, kedaulatan Raja-raja Melayu telah dikembalikan.

Sumber: Dipetik dan diubah suai daripada <https://eprints.um.edu.my>

Huraikan mesej yang terkandung dalam petikan tersebut dan kesannya terhadap pembinaan negara bangsa Malaysia.

[8 markah]

Perlembagaan Malayan Union yang diperkenalkan pada 1 April 1946 dan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu yang berkuatkuasa pada 1 Februari 1948, meskipun telah melahirkan sebuah negara bangsa baru, namun dari segi perundangan dan struktur pemerintahannya telah memperlihatkan pertentangan yang ketara. Perlembagaan Malayan Union memindahkan segala kekuasaan Raja-raja Melayu kepada Raja Britain sekaligus telah melenyapkan kedaulatan para baginda manakala dalam Perlembagaan Persekutuan 1948, kedaulatan Raja-raja Melayu telah dikembalikan.


1249/2 SULIT

7. Kerjasama antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri penting untuk memastikan pembangunan dapat memberikan manfaat untuk kesejahteraan rakyat di seluruh negara.

(a) Jelaskan kerjasama Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri dalam aspek berikut:

- (i) Kerjasama pembangunan sosioekonomi [4 markah]
- (ii) Kerjasama pemuliharaan khazanah negara [4 markah]
- (iii) Kerjasama penyediaan perumahan rakyat [4 markah]

(b) Teliti infografik berikut.



Berikan ulasan anda.

[8 markah]

8. Dasar Pembangunan Nasional (DPN) merupakan kesinambungan Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang dirangka khusus untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju.

- (a) Jelaskan latar belakang DPN. [4 markah]
- (b) Huraikan langkah kerajaan untuk menjayakan matlamat DPN. [8 markah]
- (c) Teliti poster berikut.



Jelaskan pencapaian DPN dan kesannya terhadap rakyat Malaysia. [8 markah]

MAUTUNGSEK PAAQARMEJEB
KESAN DAN KONSEP DPN
MENGGAMPAK DAN MENGEMBANGKAN
KASINDS DAKUTUNGSEK PAAQARMEJEB
MELAKUKEK DAN MELAKUKAN

MAUTUNGSEK PAAQARMEJEB
KESAN DAN KONSEP DPN
MENGGAMPAK DAN MENGEMBANGKAN
KASINDS DAKUTUNGSEK PAAQARMEJEB
MELAKUKEK DAN MELAKUKAN

MAUTUNGSEK PAAQARMEJEB
KESAN DAN KONSEP DPN
MENGGAMPAK DAN MENGEMBANGKAN
KASINDS DAKUTUNGSEK PAAQARMEJEB
MELAKUKEK DAN MELAKUKAN

MAUTUNGSEK PAAQARMEJEB
KESAN DAN KONSEP DPN
MENGGAMPAK DAN MENGEMBANGKAN
KASINDS DAKUTUNGSEK PAAQARMEJEB
MELAKUKEK DAN MELAKUKAN

9. Hubungan luar di negara bermula sejak zaman kerajaan Melayu lagi dan semakin jelas ketika zaman Kesultanan Melayu Melaka.

(a) Jelaskan hubungan luar pada zaman Kesultanan Melayu Melaka. [4 markah]

(b) Malaysia terlibat dalam pertubuhan serantau dan antarabangsa dalam usaha mengekalkan keamanan dan kemajuan sejagat.

Terangkan pelibatan Malaysia melalui pertubuhan berikut:

(i) ASEAN [4 markah]

(ii) OIC [4 markah]

(c) Teliti maklumat berikut.

Matlamat dasar luar yang ingin dicapai oleh Malaysia adalah untuk mengekalkan kedaulatan negara. Namun begitu, pelbagai cabaran terpaksa dihadapi oleh Malaysia untuk mengukuhkan dasar luarnya.

Perubahan yang berlaku dalam politik pada peringkat antarabangsa memberi kesan besar kepada Malaysia. Pada bulan Mei 1974, Tun Abdul Razak mengadakan lawatan ke China. Pemimpin China telah menyokong cadangan Malaysia untuk mewujudkan kawasan Aman Bebas dan Berkecuali di Asia Tenggara. China juga memberi jaminan tidak akan mengganggu urusan dalam negara khususnya berhubung dengan kegiatan pengganas komunis. Akhirnya, wujud hubungan diplomatik antara Malaysia dengan China.

Perluasan pengaruh komunis di Indochina turut menyebabkan ketidakstabilan kepada rantau Asia Tenggara. Berlaku kebanjiran pendatang asing Kampuchea di Asia Tenggara. Pada era pentadbiran Tun Hessein Onn, terdapat lebih 50 000 orang pelarian Kampuchea di Malaysia. Bagi memastikan mereka benar-benar mendapat perlindungan, Tun Hussein Onn menempatkan mereka di Pulau Bidong, Terengganu. Malaysia telah menggerakkan usaha menyokong Sidang Kemuncak Ketua-Ketua Negara ASEAN di Bali, Indonesia bagi membincangkan pergolakan di Indochina.

Sumber: Dipetik dan diubah suai daripada
Buku Siri Tokoh-Tokoh Sejarah, 2004

Mengapakah pemimpin Malaysia komited dalam mendepani cabaran bagi mengukuhkan dasar luar negara kita?

[8 markah]

MODUL SOALAN TAMAT